



Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: KPM.600-5/6/2 Jld. 8 (54)
Tarikh : 13 April 2021

Yang di-Pertua
Kelab Bridge dan Catur
Universiti Sains Malaysia
Pusat Mahasiswa, Bangunan H21
Kompleks Cahaya Siswa
11800 USM
Pulau Pinang

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI
PERTANDINGAN CATUR (INDIVIDU) USM ANTARABANGSA 2020/2021 DAN
PERTANDINGAN CATUR (BERKUMPULAN) USM ANTARABANGSA 2020/2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan e-mel daripada pihak tuan bertarikh 12 April 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan sukan di negara ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti sukan tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi murid menyertai program **Pertandingan Catur (Individu) USM Antarabangsa 2020/2021 dan Pertandingan Catur (Berkumpulan) USM Antarabangsa 2020/2021 secara dalam talian** yang akan diadakan pada **22 Mei 2021 dan 29 Mei 2021 sahaja** selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 Surat kebenaran/kelulusan ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
- 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 4.10 Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat, KPM sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh penggunaan logo**. Sebagai peringatan, logo ini hanya boleh dipamerkan pada sijil dan *banner* sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial;
- 4.11 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM** dalam tempoh **30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum. Tarikh akhir kunci masuk markah ke dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) ialah pada **31 Disember 2021**; dan
- 4.12 KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Surat kebenaran ini **hanya** untuk **Kelab Bridge dan Catur** yang akan menganjurkan **Pertandingan Catur (Individu) USM Antarabangsa 2020/2021 dan Pertandingan Catur (Berkumpulan) USM Antarabangsa 2020/2021 secara dalam talian** pada **22 Mei 2021 dan 29 Mei 2021 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.


6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **Puan Rabitah binti Abdul Razak** di talian **03-88841086** atau e-mel **rabitah.razak@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT - DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. RAZUKI BIN A. RAHIM)

b.p Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.:
1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
 2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
(u.p.: Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid)

Rabitah/SuratMohonPenglibatanMurid/MyDoc

LAMPIRAN A

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan
- 3.0 Mod Pelaksanaan
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa)

BIL	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	MURID	GURU
1										
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										
JUMLAH										

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti
- 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan Yang Diturunkan (**** Jika berkaitan*)
- 7.0 Tetamu Kehormat (VIP) (**** Jika berkaitan*)
- 8.0 Pemenang (**** Jika berkaitan*)
- 9.0 Isu dan cabaran
- 10.0 Cadangan penambahbaikan
- 11.0 Gambar

Disediakan Oleh:

Tarikh: